

BAKAT PENENTU SEGALANYA

Oleh : *Rosemifariza Ramlan*

17 Ogos 2008 – Gelaran junior bukan penghalang kepada Saudari Afaf binti U-Udeeb Mahfouz Jazouly untuk aktif di dalam arena Puisi. Saudari Afaf adalah salah seorang pelajar baru bagi kemasukan Julai Sidang Akademik 2008/2009. Bakat Afaf dicungkil di dalam slot Uji Bakat yang diadakan sempena Minggu Suaikenal Sidang Akademik 2008/2009 telah memberi satu keyakinan kepada Unit Kebudayaan & Kesenian Pelajar bahawa Mahasiswa UniMAP mampu melangkah jauh di dalam arena kebudayaan universiti.

Minat yang mendalam Saudari Afaf terhadap puisi telah membawa Saudari Afaf untuk menyertai

Pertandingan Mendeklamasi Puisi MAKUM 2008 yang telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Walaupun Saudari Afaf tidak bernasib baik tetapi pertandingan seumpama ini adalah satu landasan kepada Mahasiswi tersebut untuk menimba pengalaman di Peringkat IPTA.

